

Lawatan Kerja Ketua Audit Negara Brunei Darussalam Ke Jabatan Audit Negara

Ketua Audit Negara Brunei Darussalam, Pengiran Abdul Rahman Bin Pengiran Haji Mat Salleh serta 2 pegawai kanan iaitu Encik Matali Bin Haji M. Yusof dan Encik Fuad Murad telah membuat lawatan rasmi ke Jabatan Audit Negara pada 2 Disember 2011.

Rombongan tersebut telah dijemput untuk makan malam di JW Marriot Hotel Kuala Lumpur bersama YBhg. Dato' Hj. Anwari Bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) dan pegawai kanan Jabatan Audit Negara. Semasa lawatan tersebut, rombongan ini telah diberi taklimat berkenaan Peranan Jabatan Audit Negara serta Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti (FMAI) oleh Puan Ong Swee Leng, Pengarah Sektor Audit Badan-badan Berkanun Persekutuan (BPP) dan juga taklimat ringkas berkenaan eSPP oleh Encik Y. Hamdan Bin Mohd Dom, Timbalan Pengarah Bahagian Pengauditan ICT. Delegasi tersebut juga telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara di pejabat beliau pada 2 Disember 2011. YBhg. Tan Sri telah menghadiahkan buku yang ditulis oleh beliau bertajuk "Issues & Challenges In Public Sector Auditing In Malaysia" kepada Ketua Audit Negara Brunei Darussalam.

Gambar Semasa Lawatan Kerja Ketua Audit Negara Brunei Darussalam Dan Rombongan di Jabatan Audit Negara



